

22 AUG 1998

HUJAN LEBAT BANTU BOMBA PADAM KEBAKARAN DI TOK SENIK

LANGKAWI, 22 Ogos (Bernama) -- Anggota bomba Langkawi hari ini mendapat bantuan "semulajadi" dalam usahanya memadamkan kebakaran di restoran Resort Kampung Tok Senik.

Kebakaran itu, yang bermula di bilik sauna restoran itu kira-kira pukul 1 tengah hari, memusnahkan sebahagian daripada bangunan berbumbungkan atap itu sebelum anggota bomba dapat memadamkannya dengan bantuan hujan lebat.

Resort Kampung Tok Senik, yang terkenal kerana konsep ketamuan adab Melayu dan layanan cara kampung, ialah antara tempat persinggahan pilihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pulau legenda ini.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Langkawi Liew Tong Seng berkata dua jentera dihantar ke tempat kejadian dan kebakaran itu dapat dipadamkan dalam masa setengah jam.

Beliau berkata punca kebakaran dan kerugian masih disiasat.

-- BERNAMA

NH NAK